



PEMANDANGAN The Exchange TRX dari Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Warga ibu kota bakal beroleh lokasi baharu untuk menjamu selera dan beristirahat tidak lama lagi.

The Exchange TRX dibuka Disember ini

(29 MAC 2023) Kosmo, p37

KUALA LUMPUR – TRX City Sdn. Bhd. (TRX City), pemaju utama projek pembangunan Tun Razak Exchange (TRX) menjangkakan pusat beli-belah, yang dikenali sebagai The Exchange TRX bakal dibuka kepada umum menjelang Disember ini.

Projek mega berkonsepkan pusat beli-belah dalam taman itu adalah usaha sama antara TRX City dengan Lendlease, pemaju hartanah dari Australia yang mana TRX City memiliki 40 peratus projek berkenaan.

Pembangunan pusat beli-belah dengan nilai pembangunan kasar kira-kira RM9 bilion itu telah tertangguh selama dua tahun

ekoran pandemik.

Ketua Pegawai Eksekutif TRX City, Datuk Azmar Talib berkata, hampir 80 peratus daripada lot perniagaan di situ telah disewa oleh pelbagai jenama dari dalam dan luar negara.

“Sebaik sahaja ia siap sebelum perayaan Krismas tahun ini, kami menjangkakan keseluruhan infrastruktur di TRX akan dibuka sepenuhnya,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Tambah Azmar, projek TRX yang mewakili 57 ekar (22.8 hektar) itu kini hanya berbaki tiga plot untuk dibangunkan, yang mana dua daripadanya adalah untuk projek komersial dan satu

lagi projek kediaman.

Menurutnya, syarikat perlu memastikan pembangunan pusat kewangan antarabangsa itu memenuhi objektif utamanya.

“Kami tidak mahu TRX menjadi sebuah pasaran dagangan yang spekulatif, kami mereka pembangunan di sini bagi membolehkan pemaju setiap projek tidak bersaing sesama sendiri dan mampu memasarkan produk masing-masing.

“Selain itu, kami perlu membawa masuk pemain kewangan bukan sahaja tertumpu dalam bidang kewangan dan perbankan. malah penyedia pelbagai khidmat berkaitan,” ujarinya.